

18 APR 1996

MINGGU MALAYSIA PENUH WARNA WARNI DI CROATIA

Oleh: Salbiah Said

ZAGREB, 18 April (Bernama) -- Minggu Malaysia bermula di Inter-Continental Hotel di sini semalam dalam upacara penuh warna warni yang diserikan muzik, tarian dan makanan Malaysia kepada rakyat Croatia.

Sambutan hangat terhadap makanan Malaysia mengejutkan rakyat Malaysia sendiri yang berada di sini untuk menyertai Pameran Keluaran Malaysia '96 di Pameran Musim Bunga Zagreb. Ia adalah kejutan yang luar dugaan.

Pesta Makanan dan Tarian Malaysia atau dalam bahasa Croatianya "Malezijski Hranei Plesa Festival" bermula di Restoran Kaptol di hotel tersebut pada pukul 8.30 malam. Para pengunjung yang datang untuk menikmati masakan Malaysia telah mula beratur sejak pukul 7.30 malam lagi.

Masakan Malaysia disediakan oleh beberapa tukang Malaysia yang diterbangkan khas untuk pesta itu.

Para tetamu yang menikmati hidangan turut juga terpukau dengan rentak tarian tradisional Malaysia yang dipersembahkan oleh Briged Budaya Melaka.

Pengarah pemasaran dan jualan hotel Inter-Continental, Jadranka Skelin-Hrvoj memberitahu Bernama bahawa iklan menerusi media tempatan mengenai pesta Malaysia telah menarik ramai rakyat Croatia mengunjungi hotel itu.

Pesta itu dianjurkan bersama oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Perbadanan Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Sementara itu, pameran keluaran Malaysia memasuki hari kedua di Pameran Musim Bunga Zagreb hari ini dengan ramai pengunjung membanjiri Pavilion No.9 untuk menyaksikan sendiri kereta Proton Wira.

Pameran itu akan dirasmikan hari ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang dalam rangka lawatan sehari ke Croatia. -- BERNAMA

SS MA SIA